

10 JUN 2002

PETRONAS-ENJIN/I

PETRONAS AKAN KELUAR ENJIN KERETA SECARA KOMERSIL 2004 - AZIZAN

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

HINWIL (SWITZERLAND), 10 Jun (Bernama) -- Syarikat minyak negara, Petronas, merancang untuk mengeluarkan secara komersil enjin-enjin automobil di Malaysia menjelang tahun 2004.

Petronas kini sedang berunding dengan pembuat kereta nasional, Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) untuk menimbang menggunakan enjin-enjin 1.8 dan 2.2 liter dalam sekurang-kurangnya satu daripada model keretanya, Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin memberitahu media Malaysia selepas mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan ke Sauber Petronas Engineering AG (SPE) dan Sauber Motorsports AG di sini hari ini.

Dr Mahathir tiba di Zurich semalam dari Naples, Itali untuk lawatan rasmi tiga harinya ke Switzerland. Ini adalah juga lawatan rasmi pertamanya ke negara Eropah ini.

SPE, di mana Petronas memiliki 40 peratus saham, telah dengan jayanya membangun prototaip enjin 2.0 liter membabitkan 15 jurutera Malaysia. Enjin prototaip itu telah melalui beberapa ujian dan telah dipasang ke dalam model-model Proton Waja, Satria dan Perdana.

Azizan berkata Petronas kini yakin bahawa ia telahpun mempunyai keupayaan dan kepakaran untuk mengeluarkan secara komersil enjin-enjin itu di Malaysia.

"Ia adalah merupakan enjin berteknologi tinggi. Ia adalah berprestasi tinggi, kecil dan padat dan memenuhi piawaian alam sekitar, termasuk piawaian Eropah yang ketat. Enjin yang sportif dan berkuasa," kata beliau.

Azizan menganggap kemampuan oleh rakyat Malaysia mengeluarkan enjin asli itu sebagai sejarah besar dalam industri automotif negara.

Sungguhpun kebanyakan komponen yang digunakan di dalam kereta-kereta Proton dikeluarkan di dalam negeri, enjin-enjinnya masih diimport.

Azizan berkata adalah telah menjadi hasrat Petronas untuk membangun dan mengeluarkan enjin-enjin membabitkan rakyat Malaysia bagi memastikan bahawa Malaysia akan dapat memajukan keupayaan kejuruteraannya.

Katanya keupayaan itu tidak akan dihadkan kepada mengeluarkan enjin-enjin kereta pacuan petrol semata-mata tetapi juga boleh diguna pakai kepada mengeluarkan jenis-jenis enjin lain, termasuk enjin dihidupkan gas.

Adalah harapan Petronas untuk dikenali, bukan sahaja sebagai syarikat minyak tetapi juga syarikat yang mempunyai kepakaran kejuruteraan, katanya lagi.

Azizan berkata Malaysia perlu mempertingkatkan kecekapan kejuruteraannya supaya ia terus kekal kompetitif dalam pasaran global.

Katanya perkongsian Petronas dengan Sauber, sebuah syarikat kejuruteraan automotif Swizerland, bukanlah semata-mata kegiatan meningkatkan imej dan jenama bagi perbadanan minyak negara itu, tetapi yang lebih penting sebagai wadah yang berkesan bagi penggalakkan penyelidikan dan pembangunan dan juga memupuk keupayaan teknologi tempatan dalam kejuruteraan automotif di dalam Petronas.

Perkongsian Petronas dengan Red Bull Sauber Holding dalam sukan lumba kereta Formula 1, misalnya, telah menyebabkan pembentukan satu entiti usaha sama dikenali sebagai Sauber Petronas Engineering AG, yang memenuhi keperluan kejuruteraan Pasukan F1 Red Bull Sauber Petronas.

Perkongsian itu juga bertujuan mempertingkatkan asas pengetahuan dan kepakaran Petronas dalam enjin-enjin, bahan api dan teknologi komposit minyak pelincir. -- BERNAMA

MFJ MKO SHY OS